

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ**  
**KAWASAN : JERLUN**  
**NO. SOALAN : 14**

**DATO' OTHMAN BIN AZIZ** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DNA INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan asing luar negara (FDI) ke negeri Kedah mengikut sektor pada tahun 2013 dan suku pertama 2014.

## Jawapan

Tuan Yang DiPertua,

Pada tahun 2013, negeri Kedah telah diluluskan jumlah keseluruhan pelaburan sebanyak RM2.53 bilion di mana dalam negeri berjumlah RM2.4 bilion dan pelaburan asing luar negara (FDI) berjumlah RM102.7 juta. Jerman, Singapura dan Taiwan merupakan antara pelabur-pelabu asing utama di Kedah.

FDI tersebut melibatkan 27 projek yang meliputi pelbagai jenis industri seperti berikut:

- i) Kelengkapan pengangkutan (RM47.3 juta);
- ii) Elektrik & elektronik (RM34.6 juta);
- iii) Kimia & produk kimia (RM10.1 juta);
- iv) Kayu & produk kayu (RM5.9 juta);
- v) Peralatan & pengukuran saintifik (RM2.6 juta);
- vi) Produk logam fabrikasi (RM1.6 juta); dan
- vii) Produk plastik (RM0.3 juta).

Projek-projek yang telah diluluskan ini akan menjana sebanyak 3,152 peluang pekerjaan baharu.

Sehingga suku pertama tahun 2014, Kedah diluluskan keseluruhan pelaburan sebanyak RM4 billion. Daripada jumlah tersebut, 8 projek

dengan jumlah FDI bernilai RM3.96 bilion telah diluluskan. Pecahan pelaburan mengikut industri adalah seperti berikut:

- i) Elektrik & elektronik (RM3.9 bilion);
- ii) Produk plastik (RM3.5 juta); dan
- iii) Tekstil & produk tekstil (RM2.9 juta).

Projek-projek ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan baharu sebanyak 2,893. Pelaburan asing ini secara langsung dan tidak langsung akan menjana pertumbuhan ekonomi tempatan selari dengan matlamat program transformasi negara.

Disediakan oleh :

.....  
(NIK MOHD FAHIM MUHAIMIN)  
Ketua Penolong Pengarah  
012-2930899

Disemak oleh

:

.....  
(HARJIT KAUR)  
Pengarah Kanan  
Bahagian Dasar Pelaburan dan Fasilitasi  
Perdagangan  
019-3169986

Diluluskan oleh :

:

.....  
(DATO' NIK RAHMAT NIK TAIB)  
Timbalan Ketua Setiausaha (Industri)